

# Awasi pakar sebar dakyah

BN 22 MAR 1986

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, rakyat tidak seharusnya hilang keyakinan walaupun keadaan ekonomi Malaysia sedang melalui tempoh yang tidak menentu.

Sehubungan itu, tegas Perdana Menteri, rakyat bukan sahaja mesti sanggup menghadapi keadaan itu, malah mempelajari cara mengatasinya.

“Kita mesti berupaya membezakan antara yang benar dengan yang direka oleh orang yang berkepentingan.

“Kita mesti mempunyai kebolehan untuk melihat sesuatu dalam perspektif yang sebenar dan seimbang kerana faktor-faktor ekonomi, politik, sosial dan psikologi akan memainkan fungsi penting dalam kehidupan kita sehari-hari,” katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kelima (RML) di Parli-  
men petang ini.

Menurutnya, rakyat mesti mengakui ada golongan yang hanya berminat untuk mewujudkan ketidakstabilan kerana mereka akan mendapat faedah daripada kerugian orang lain.

Golongan itu, ujarnya, termasuklah mereka yang kononnya pakar ramalan ekonomi negara yang menyebarkan dakyah-dakyah melemahkan keyakinan dan ingin mempengaruhi rakyat supaya mempercayai negara ini tidak mempunyai masa depan yang cerah.

“Selain itu, ada golongan yang memutarbelitkan kedudukan kewangan, golongan yang membuat spekulasi dan golongan yang mengumpul kekayaan harta secara penipuan.

“Semuanya ini menjadikan keadaan lebih keliru dan tidak pasti, lebih-lebih lagi apabila mereka bergiat untuk mendapatkan keuntungan melampau, terutama di pasaran saham,” katanya.

Beliau berkata, kebebasan sistem ekonomi negara ini terbukti dengan adanya golongan yang telahpun mengambil kesempatan daripadanya dan dengan tipu helah, boleh mencapai kepentingan sendiri serta melemahkan keyakinan orang lain.